UNIT 1

# PEMBENTUKAN MALAYSIA

## NOTA EFEKTIF

### IDEA PEMBENTUKAN MALAYSIA

- Cadangan awal oleh Lord Brassey (1887), Pengarah British North Borneo Company (Syarikat Borneo Utara British). Beliau mencadangkan penggabungan Sarawak, Sabah, Negeri-negeri Melayu dan Negeri-Negeri Selat.
- Ibrahim Haji Yaakob dan Harun Aninurrashid (1938) juga memperjuangkan idea penggabungan melalui konsep Melayu Raya pada tahun 1938. Konsep melayu Raya merangkumi Tanah Melayu, Singapura, seluruh Kalimantan, Kepulauan Filipina dan Kepulauan Indonesia.
- Malcolm Macdonald, Gabenor Janeral British di Asia Tenggara pada tahun 1951 telah mengadakan beberapa perbincangan dengan pemimpin Persekutuan Tanah Melayu, Sarawak, Sabah dan Singapura berkaitan Pembentukan Malaysia.
- Tunku Abdul Rahman iaitu Ketua Menteri Persekutuan Tanah Melayu mencadangkan agar Sarawak, Sabah, Singapura dan Brunei menyertai Persekutuan Tanah Melayu.

**SEBAB-SEBAB PEMBENTUKAN MALAYSIA**

Sebab – sebab Pembentukan Malaysia
- Menjamin keselamatan negara
- Mencapai keseimbangan kaum
- Mempercepatkan kemerdekaan
- Memajukan sosioekonomi

### LANGKAH-LANGKAH PEMBENTUKAN MALAYSIA

| | |
|---|---|
| **27 Mei 1961 Adelphi** | Tunku Abdul Rahman mengumumkan cadangan pembentukan Malaysia di Hotel Singapura. |
| **Julai 1961 Malaysia** | Mengadakan lawatan ke Sarawak untuk menerangkan idea pembentukan Malaysia. |
| **23 Julai 1961** | Menubuhkan Jawatankuasa Setia Kawan Malaysia (JSKM) untuk menyakinkan pemimpin Sarawak dan Sabah. |
| **17 Januari 1962** | Pembentukan Suruhanjaya Cobbold untuk mendapatkan reaksi penduduk di Sarawak dan Sabah. |
| **21 Jun 1962** | Menyerahkan laporan Suruhanjaya Cobbold kepada British dan Persekutuan Tanah Melayu. |
| **30 Ogos1962** | Mesyuarat Jawatankuasa Antara Kerajaan (JAK) diadakan. Menyediakan rangka perlembagaan untuk melindungi kepentingan Sarawak dan Sabah. |
| **1 September 1962** | Referandum diadakan di Singapura. Rakyat Singapura bersetuju dengan pembentukan Malaysia. |

© Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

01 System Classroom 2024 SK Sej Tahun 6 Teks.indd 1 15/11/2023 4:17:48 PM

| | |
|---|---|
| **9 Julai 1963** | Perjanjian Malaysia ditandatangani di Malborough House, London. |
| **12 Ogos 1963** | Penubuhan United Nations Malaysia Mission (UNMM) bagi mengesahkan persetujuan penduduk Sarawak dan Sabah. |
| **16 September 1963** | Pemasyhuran Malaysia diadakan di Kuala Lumpur, Kuching, Sarawak, Kota Kinabalu, Sabah dan City Hall, Singapura. |

## TOKOH DALAM PEMBENTUKAN MALAYSIA


Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj


Tun Abdul Razak Bin Hussein


Tun Temenggung Jugah anak Barieng


Tun Datu Mustapha bin Datu Harun


Lee Kuan Yew


Tan Sri Datuk Amar Stephen Kalong Ningkan


Tun Muhammad Fuad Stephens


Datu Bandar Abang Haji Mustapha


Tun Muhammad Ghazali Shafie


Tan Sri Wong Pow Nee


Tun V. T. Sambanthan

| TP | 1 | | 2 | | 3 | | 4 | | 5 | | 6 | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|



©Hak cipta system PUBLICATIONS SDN. BHD.

01 System Classroom 2024 SK Sej Tahun 6 Teks.indd 2 15/11/2023 4:17:49 PM

**Dokumen Pemasyuran Malaysia**



**Negeri-negeri yang membentuk Malaysia**




Peta negeri yang meyertai Malaysia 1963.

## CABARAN-CABARAN PEMBENTUKAN MALAYSIA

| |
|---|
| • Sarawak – SUPP menolak rancangan pembentukan Malaysia kerana mahu membentuk sebuah persekutuan sendiri terdiri daripada Brunei, Sarawak dan Borneo Utara. |
| • Indonesia – Mengisytiharkan konfrontasi terhadap Malaysia (1963-1966) kerana menganggap pembentukan Malaysia mengancam kedudukan negaranya. |
| • Filipina – Mendakwa Sabah adalah sebahagian daripada wilayahnya. |